CIMB Bank Bhd lwn Muhammad Shakir bin Mohamad Zakaria

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN SIVIL NO 12A-130 TAHUN 2012
NURMALA SALIM PK
16 JANUARI 2013

Ganti rugi — Ganti rugi khas — Kemalangan jalan raya — Kenderaan tidak dilindungi insurans — Kenderaan di bawah perjanjian jual beli dengan bank — Sama ada bank cuai kerana membenarkan kereta tidak dilindungi insurans — Sama ada bank bertanggungan membayar jumlah ganti rugi khas yang dituntut — Akta Sewa Beli 1967 s 26

Prosedur Sivil — Pembatalan — Kausa tindakan munasabah — Writ saman dan pernyataan tuntutan — Sama ada tuntutan untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan adalah tidak berasas dan mengaibkan, remeh, menyusahkan dan menyalahgunakan proses mahkamah — Tanggungan untuk membayar ganti rugi khas — Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 14 k 21(1)(b), (c) & (d)

Rayuan ini timbul apabila plaintif memfailkan tindakan sivil terhadap defendan pertama dan kedua akibat daripada kemalangan jalan raya yang dialaminya. Motosikal yang ditunggang oleh plaintif telah dirempuh oleh kenderaan milik defendan kedua, menyebabkan kecederaan dan kerugian ke atas plaintif dan motosikalnya terbakar. Semasa kemalangan tersebut berlaku, kereta defendan kedua tidak dilindungi oleh insurans dan hakmilik kereta tersebut dituntut oleh defendan pertama di bawah satu perjanjian sewa beli antara kedua-dua defendan. Plaintif seterusnya telah mengambil tindakan terhadap kedua-dua defendan yang mana terhadap defendan pertama, plaintif menuntut ganti rugi khas sebanyak RM1,257,448. Defendan pertama memohon untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan terhadapnya atas alasan bahawa saman dan pernyataan tuntutan tersebut mengaibkan, remeh dan menyusahkan menurut A 14 K 21(1)(b) atau (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ('KMR'). Di mahkamah sesyen, permohonan defendan pertama telah ditolak. Dalam rayuan ini, isu-isu yang ditimbulkan oleh defendan pertama adalah: sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan munasabah terhadap defendan pertama; sama ada saman dan pernyataan tuntutan plaintif terhadap defendan pertama adalah mengaibkan, remeh dan menyusahkan atau penyalahgunaan proses mahkamah; sama ada menurut s 26 Akta Sewa Beli 1967 ('Akta'), defendan pertama telah melakukan kecuaian kerana membenarkan kereta tersebut dipandu tanpa perlindungan

insurans, gagal untuk memastikan kereta defendan kedua dilindungi insurans dan mengetahui bahawa kenderaan defendan kedua tiada perlindungan insurans tetapi gagal mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghalang kereta defendan daripada digunakan; dan sama ada defendan pertama bertanggungan untuk membayar jumlah ganti rugi khas yang dituntut.

Diputuskan, membenarkan rayuan dengan kos:

(1) Tuntutan plaintif tidak berasas dan mengaibkan, remeh, menyusahkan dan menyalahgunakan proses mahkamah. Defendan pertama tidak bertanggungan untuk membayar ganti rugi khas kepada plaintif. Defendan pertama telah mengambil langkah yang tepat dengan memohon untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif menurut A 14 K 21(1)(b) atau (c) atau (d) KMR (lihat perenggan 19).

(2) Berdasarkan peruntukan s 26(1), (2) Akta, defendan pertama bertanggungjawab untuk mengambil insurans ke atas kereta tersebut pada tahun pertama manakala pada tahun kedua dan seterusnya tanggungjawab adalah atas penyewa iaitu defendan kedua. Walaupun perkataan 'shall' digunakan dalam peruntukan tersebut, bukanlah sesuatu yang mandatori kepada defendan pertama untuk memperbaharui polisi insurans sebaliknya adalah atas kebebasan defendan kedua sama ada ingin memperbaharui insurans atau tidak (lihat perenggan 28–29).

(3) Defendan pertama berkewajipan untuk memperbaharui polisi insurans dan defendan pertama tidak terikat untuk memperbaharui polisi insurans ke atas kereta tersebut. Walaupun defendan kedua adalah penyewa di bawah perjanjian sewa beli, realitinya, defendan kedua adalah pemandu dan pemilik sebenar kereta tersebut. Defendan kedua berkewajipan untuk memastikan kereta tersebut dilindungi insurans yang diambil atas namanya dan bukan atas nama defendan pertama (lihat perenggan 30–31).

(4) Defendan kedua bukan agen kepada defendan pertama. Defendan pertama tiada kawalan ke atas segala tindakan dan perlakuan defendan kedua dalam penggunaan kereta tersebut. Oleh itu, defendan pertama tiada tanggungan vikarius terhadap defendan kedua. Sekiranya institusi kewangan yang membiayai pembelian kenderaan melalui pinjaman sewa beli dipertanggungjawakan untuk memastikan kenderaan dilindungi insurans, maka ia akan dibebankan dengan tuntutan ganti rugi bagi kes yang melibatkan kenderaan di bawah perjanjian sewa beli yang tidak dilindungi insurans. Ini akan membuka ruang kepada penyewa di bawah perjanjian sewa beli untuk mengambil mudah dan alpa dengan kewajipannya untuk memastikan kenderaannya dilindungi insurans (lihat perenggan 33–34).

A **[English summary**

This appeal arose when the plaintiff filed a civil action against the first and second defendants as a result of the road accident that he encountered. The motorcycle ridden by the plaintiff was collided with the vehicle belonging to the second defendant, causing injuries and loss to the plaintiff and his motorcycle burnt. During the accident, the second defendant's car was insured and the ownership to the car was claimed by the first defendant under a hire purchase agreement between both defendants. The plaintiff had further taken an action against both defendants whereby against the first defendant, the plaintiff claimed special damages of RM1,257,488. The first defendant sought to strike out the summons and statement of claim against it on the ground that the summons and statement of claim was frivolous, vexatious and scandalous pursuant to O 14 r 21(1)(b) or (c) or (d) of the Subordinate Courts Rules 1980 ('SCR'). In the sessions court, the first defendant's application was dismissed. In this appeal, the issues that were raised by the first defendant was: whether the plaintiff had reasonable cause of action against the first defendant; whether the plaintiff's summons and statement of claim against the first defendant was frivolous, vexatious and scandalous or an abuse of the court process; whether according to s 26 of the Hire Purchase Act 1967 ('the Act') the first defendant had committed negligence as it allowed the car to be driven without being protected under insurance, failed to ensure that the second defendant's car was protected by an insurance and knew that the second defendant's vehicle was not protected by an insurance but had failed to take the appropriate action to prevent the car from being used; and whether the first defendant liable to pay the amount of special damages claimed.

Held, allowing the appeal with costs:

(1) The plaintiff's claim was baseless and frivolous, vexatious and scandalous and was an abuse of process of the court. The first defendant was not liable to pay the special damages to the plaintiff. The first defendant had taken the right step by applying to strike out the summons and statement of claim pursuant to O 14 r 21(1)(b) or (c) or (d) of the SCR (see para 19).

(2) Based on the provision of s 26(1), (2) of the Act, the first defendant was liable to take an insurance on the car for the first year whereas for the second and subsequent years the responsibility was on the hirer ie the second defendant. Although the word 'shall' was used in the provision, it was not something mandatory to the first defendant to renew the insurance policy instead it was up to the second defendant whether to renew the insurance or not (see paras 28–29).

(3) The first defendant was responsible to renew the insurance policy and the first defendant was not bound to renew the insurance policy on the car. Although the second defendant was the hirer under the hire purchase

agreement, in reality, the second defendant was the driver and the actual owner of the car. The second defendant was responsible to ensure that the car was protected by the insurance taken on his name and not on the first defendant's name (see paras 30–31).

(4) The second defendant was not the agent for the first defendant. The first defendant had no control on every action and behaviour of the second defendant in using the car. Thus, the first defendant did not owe vicarious liability against the second defendant. If the financial institution which financed the purchase of the vehicle via hire purchase agreement was made responsible to ensure the vehicle was insured, then it would be burdened with the claims for damages in cases involving vehicles under the hire purchase agreement which was not protected by insurance. This would open the opportunity to the hirer under the hire purchase agreement to take it easy and neglect in his responsibility to ensure its vehicle was insured (see paras 33–34).]

Kes-kes yang dirujuk

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7, MA (dirujuk)
Broad v Parish (1941) 64 CLR 588, MT (dirujuk)
Ng Kian Chong & Ors v Saw Seng Kee [1994] 3 MLJ 691, MT (dirujuk)
Sivakumar a/l Varatharaju Naidu v Ganesan a/l Retanam [2011] 6 MLJ 70, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pengangkutan Jalan 1987 ss 90, 96
Akta Sewa Beli 1967 s 26, 26(1), (2), (6)
Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19, A 33 k 2
Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 A 14 k 21(1)(b), (c), (d)

Muhamad Faizal (Raja Nor & Su Lynn) bagi pihak perayu.
Rosli (Rosli Ismail & Co) bagi pihak responden.

Nurmala Salim PK:

[1] Melalui lampiran 2, defendan pertama merayu terhadap keputusan hakim Mahkamah Sesyen Georgetown, Pulau Pinang yang telah menolak permohonan defendan pertama untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif terhadapnya menurut A 14 k 21(1)(b) atau (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

LATAR BELAKANG KES

[2] Muhammad Shakir bin Mohamad Zakaria ('plaintif') telah membawa

tindakan sivil terhadap CIMB Bank ('defendan pertama') dan Anantharaja a/l Kandiah ('defendan kedua') akibat dari kemalangan jalan raya yang dialami oleh plaintif.

[3] Plaintif adalah penunggang motosikal nombor pendaftaran PFH 4639. Pada 10 November 2007, lebih kurang jam 4 pagi, semasa menunggang motosikal tersebut di Jalan Jelutong, Georgetown, Pulau Pinang, sebuah kereta pendaftaran PEU 8087 milik defendan kedua yang datang dari arah bertentangan telah memotong sebuah kenderaan di hadapannya telah masuk ke laluan plaintif lalu merempuh motosikal plaintif.

[4] Akibat dari rempuhan tersebut, motosikal plaintif telah terbakar manakala plaintif mengalami kecederaan dan kerugian.

[5] Plaintif telah membuat carian di JPJ dan mendapati kereta defendan kedua tidak dilindungi oleh insurans semasa kemalangan tersebut berlaku. Didapati juga hak milik kereta tersebut dituntut oleh defendan pertama di bawah satu perjanjian sewa beli di antara defendan pertama dan defendan kedua.

[6] Plaintif seterusnya telah mengambil tindakan terhadap defendan pertama dan defendan kedua. Terhadap defendan pertama, plaintif menuntut ganti rugi khas berjumlah RM1,257,448.

[7] Defendan pertama kemudiannya memfailkan permohonan untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan terhadapnya atas alasan saman dan pernyataan tuntutan tersebut adalah mengaibkan, remeh dan menyusahkan menurut A 14 k 21(1)(b) atau (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

[8] Hakim Mahkamah Sesyen Georgetown, Pulau Pinang yang bijaksana telah menolak permohonan defendan pertama tersebut. Ini membawa kepada rayuan defendan pertama di mahkamah ini.

ISU

[9] Isu yang perlu diputuskan dalam rayuan ini adalah:

(a) sama ada plaintif mempunyai kausa tindakan yang munasabah terhadap defendan pertama;

(b) sama ada saman dan pernyataan tuntutan plaintif terhadap defendan pertama adalah mengaibkan, remeh dan menyusahkan atau penyalahgunaan proses mahkamah;

(c) sama ada menurut s 26 Akta Sewa Beli 1967 ('Akta 1967') defendan pertama telah melakukan kecuaian kerana membenarkan kereta tersebut dipandu dalam keadaan tiada perlindungan insurans, gagal untuk memastikan kereta defendan kedua dilindungi oleh insurans dan mengetahui bahawa kenderaan defendan kedua tiada perlindungan insurans tetapi gagal mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menghalang kereta defendan dari digunakan; dan

(d) sama ada defendan pertama bertanggungan untuk membayar ganti rugi khas berjumlah RM1,257,448 kepada pihak ketiga sepertimana diperuntukkan di bawah s 96 Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 1987).

HUJAHAN PLAINTIF

[10] Plaintif menghujahkan hanya dalam kes-kes yang nyata dan jelas sahaja pembatalan menurut A 14 k 21(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 terpakai.

[11] Di dalam kes ini, ianya melibatkan isu mengenai tafsiran undang-undang khasnya s 26 Akta Sewa Beli 1967. Oleh itu, permohonan defendan pertama di bawah A 14 k 21 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

[12] Berdasarkan kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7, defendan pertama seharusnya memasukkan permohonannya di bawah A 33 k 2 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan bukannya untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif terhadap defendan pertama.

[13] Plaintif seterusnya menghujahkan defendan pertama sebagai pemilik kereta dari segi undang-undang, di bawah s 26 Akta 1967 dan s 90 Akta 1987 hendaklah memastikan kereta yang digunakan oleh defendan kedua dilindungi oleh perlindungan insurans. Plaintif merujuk kepada satu kes dari Australia, *Broad v Parish* (1941) 64 CLR 588 di mana diputuskan syarikat didapati bertanggungan ke atas ganti rugi yang harus dibayar oleh penyewa apabila kenderaan tidak dilindungi insurans.

HUJAHAN DEFENDAN PERTAMA

[14] Defendan pertama menghujahkan di bawah s 26(1), (2) Akta 1967, tanggungjawab untuk mengambil insurans adalah pada tahun pertama sahaja dan pada tahun kedua dan seterusnya adalah atas penyewa itu sendiri.

[15] Defendan pertama seterusnya menghujahkan, di bawah s 26(6) Akta 1967 bukanlah sesuatu yang mandatori untuk pihak bank iaitu defendan pertama memperbaharui polisi insurans sebaliknya adalah atas kebebasan pihak bank sama ada ingin membaharuinya atau tidak.

[16] Begitu juga di dalam klausa 7.2.4 perjanjian sewa beli, telah diperuntukkan bahawa penyewa hendaklah memberi jaminan ganti rugi ke atas sebarang kerugian, kerosakkan, tuntutan dan apa-apa perbelanjaan. Penyewa juga tidak dibenarkan sama sekali menggunakan kenderaan atau membenarkan sesiapa menggunakan kenderaan tanpa perlindungan insurans yang sah. Sekiranya berlaku sebarang tuntutan ianya hendaklah ditanggung oleh penyewa sendiri.

[17] Seterusnya defendan pertama menghujahkan prinsip tanggungan vikarius tidak terpakai di dalam kes ini. Penyewa iaitu defendan kedua bukanlah ejen kepada defendan pertama. Defendan pertama sudah tentu tidak dapat mengawal segala perbuatan penyewa. Oleh itu, dihujahkan defendan pertama tidak bertanggungan untuk apa-apa tindakan oleh penyewa.

[18] Sebaliknya defendan pertama adalah pemilik benefisiari manakala penyewa adalah pemilik berdaftar. Perlindungan insurans diambil atas nama penyewa dan bukannya atas nama bank yang memberi pinjaman sewa beli. Sekiranya ada saman trafik oleh pihak polis, JPJ dan pihak berkuasa tempatan ianya akan dihantar kepada penyewa dan bukannya kepada pihak bank.

[19] Oleh itu, defendan pertama menghujahkan tuntutan plaintif terhadap defendan pertama tidak mendedahkan kausa tindakan yang munasabah dan ianya mengaibkan, remeh dan menyusahkan.

PENILAIAN DAN PENDAPAT MAHKAMAH

[20] Menurut A 14 k 21 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 yang bersamaan dengan A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, mahkamah boleh pada mana-mana peringkat presiding membatalkan sesuatu tindakan atas alasan:

(a) ia mendedahkan kausa tindakan atau pembelaan yang tidak munasabah, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan;

(c) ia boleh menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan itu dengan adil; atau

(d) ia selainnya adalah suatu penyalahgunaan proses mahkamah.

[21] Dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd v United Malayan Banking Corporation Bhd* diputuskan: A

> The principle upon which the court act in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19 (1) of the RHC are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule and this summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it obviously sustainable (see *AG of Duchy of Lancaster v L & NW Rly Co*). B

[22] Di dalam kes *Sivakumar a/l Varatharaju Naidu v Ganesan a/l Retanam* [2011] 6 MLJ 70, Mahkamah Rayuan telah memutuskan seperti berikut: C

> (17)… of pertinence would be this. That pleading must be entirely hopeless, baseless or without foundation in law or in equity before they can be struck out. D

[23] Ini bererti apa-apa tindakan yang tidak berasas dan tidak beralasan adalah tindakan yang membolehkan ianya dibatalkan.

[24] Di dalam *Ng Kian Chong & Ors v Saw Seng Kee* [1994] 3 MLJ 691, YA Abdul Malik Ishak memutuskan seperti berikut: E

> Frivolous and Vexatious
>
> The pleading must in all circumstances be so obviously frivolous that to advance it forward must be an abuse of the process of the court (*Yong v Hollow* (1895) P 87).
>
> Abuse of the process of the court F
>
> …
>
> … It is also an abuse of the process of the court and the claim wil be struck out if it is groundless and unfounded in the sense that the plaintiff does not know any of the facts to support it (*Steamship Mutual Underwriting Associations Ltd v Troilope and Colls (City) Ltd* (1986) 33 BLR 77, (CA)). G

[25] Di dalam kes ini, kausa tindakan plaintif adalah mengenai kecuaian akibat dari kemalangan jalan raya. Defendan pertama diheret sama berdasarkan kedudukan defendan pertama sebagai pemilik kereta dan defendan kedua sebagai penyewa kereta menurut peruntukan Akta Sewa Beli 1967 dan perjanjian sewa beli bertarikh 26 September 2006. H

[26] Mengenai isu perlindungan insurans ke atas kereta tersebut, saya rujuk s 26 Akta 1967 tersebut, s 26(1), (2) memperuntukkan seperti berikut: I

> [1] An owner shall cause to be insured in the name of the hirer:
>
> [a] motor vehicles comprised in a hire-purchase agreement for the first year only; and

A [b] all other goods comprised in a hire-purchase agreement, for the duration of time that the goods remain under hire-purchase.

against any risks that he thinks fit.

[2] where the goods comprised in a hire-purchase agreement is a motor vehicle, it shall be the duty of the hirer to cause the said vehicle to be insured in respect of the second and all subsequent years that the motor vehicle remains under hire-purchase.

[27] Berdasarkan peruntukan s 26(1), (2) tersebut, saya berpendapat adalah jelas tanggungjawab defendan pertama untuk mengambil insurans ke atas kereta tersebut adalah pada tahun pertama manakala pada tahun kedua dan seterusnya adalah atas penyewa iaitu defendan kedua.

[28] Plaintif pula menghujahkan di bawah s 26(6) Akta 1967, menjadi tugas defendan pertama selaku pemilik kereta untuk memastikan kereta dilindungi insurans. Seksyen 26(6) memperuntukkan seperti berikut:

Where the hirer has failed to renew the policy of insurance or to cause a fresh policy to be issued, the owner shall be at liberty to cause the motor vehicle to be insured and any costs thereby incurred shall be borne by the hirer.

[29] Peruntukan ini telah diteliti, walaupun perkataan 'shall' digunakan, saya bersetuju dengan hujahan defendan pertama bahawa bukanlah sesuatu yang mandatori kepada defendan pertama untuk memperbaharui polisi insurans sebaliknya adalah atas kebebasan defendan ketiga sama ada ingin memperbaharui insurans atau tidak.

[30] Menurut klausa 8.2.3 perjanjian sewa beli:

If the Hirer shall default in his obligation under clause 8.2.2 hereof, the Owner shall be at liberty, but shall not be bound, to cause the vehicle to be insured and any cost thereof incurred by the owner shall be borne by the Hirer and shall be payable on demand.

Berdasarkan klausa 8.2.3 ini, adalah sangat jelas bukanlah menjadi kewajipan defendan pertama untuk memperbaharui polisi insurans dan defendan pertama tidak terikat untuk memperbaharui polisi insurans ke atas kereta tersebut.

[31] Walaupun di bawah perjanjian sewa beli defendan kedua adalah penyewa, dalam realitinya, defendan kedua adalah pemandu dan pemilik sebenar kereta tersebut. Adalah menjadi kewajipan defendan kedua untuk memastikan kereta tersebut dilindungi insurans. Insurans diambil di atas namanya dan bukan di atas nama defendan pertama.

[32] Tambahan lagi, menurut klausa 7.1.1 dan 7.2.4 perjanjian sewa beli yang diperuntukkan seperti berikut:

> Clause 7.1.1.
>
> The Hirer shall indemnify the Owners against all loss, damage, claims and expenses arising out of any damage to the goods however caused
>
> Clause 7.2.4
>
> The Hirer shall not use or permit the vehicle to be used except where such use is covered by any policy of insurance referred to in clause 8 hereof.

penyewa hendaklah memberi jaminan ganti rugi ke atas sebarang kerugian, kerosakan, tuntutan dan apa-apa perbelanjaan yang timbul dan penyewa tidak boleh sama sekali menggunakan kereta atau membenarkan sesiapa menggunakan kereta atau membenarkan sesiapa menggunakan kereta tanpa perlindungan insurans yang sah. Jika berlaku apa-apa tuntutan, ianya hendaklah ditanggung oleh penyewa sendiri iaitu defendan kedua. Oleh yang demikian, pihak yang perlu disaman dalam kes ini adalah defendan kedua dan bukannya defendan pertama.

[33] Saya juga bersetuju dengan hujahan defendan pertama bahawa defendan kedua bukanlah ejen kepada defendan pertama. Defendan pertama tiada kawalan di atas segala tindakan dan perlakuan defendan kedua dalam penggunaan kereta tersebut. Oleh itu, defendan pertama tiada tanggungan vikarius terhadap defendan kedua.

[34] Saya juga berpendapat sekiranya institusi kewangan yang membiayai pembelian kenderaan melalui pinjaman sewa beli dipertanggungjawabkan untuk memastikan kenderaan dilindungi insurans, maka institusi kewangan akan dibebankan dengan tuntutan ganti rugi bagi kes yang melibatkan kenderaan di bawah perjanjian sewa beli yang tiada perlindungan insurans. Ini juga akan membuka ruang kepada penyewa di bawah perjanjian sewa beli untuk mengambil mudah dan alpa dengan kewajipannya untuk memastikan kenderaan dilindungi insurans. Saya tidak fikir ini yang diniatkan dalam penggubalan s 26(6) Akta 1967.

[35] Bagi kes yang melibatkan kenderaan tanpa perlindungan insurans, tuntutan sewajarnya dirujuk kepada pihak 'Motor Insurance Bureau' bagi mendapatkan ganti rugi.

[36] Berdasarkan alasan-alasan seperti dinyatakan, saya berpendapat tuntutan plaintif adalah tidak berasas dan dengan itu ianya adalah mengaibkan, remeh, menyusahkan dan menyalahgunakan proses mahkamah. Defendan pertama adalah tidak bertanggungan untuk membayar ganti rugi khas berjumlah RM1,257,488 kepada plaintif. Defendan pertama telah

mengambil langkah yang tepat dengan memohon untuk membatalkan saman dan pernyataan tuntutan plaintif menurut A 14 k 21(1)(b) atau (c) atau (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980.

[37] Oleh yang demikian, rayuan defendan pertama dibenarkan dengan kos RM1,000. Keputusan hakim Mahkamah Sesyen Georgetown dengan itu diketepikan.

Rayuan dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor